

BAB TIGA

DAERAH KLANG

BAB KETIGA

Daerah Klang

Di Segi Geografi

Keluasan Daerah

Daerah Klang merupakan salah sebuah dari 9 buah daerah di Selangor. Ia terletak di tengah-tengah negeri Selangor dan dibatasi oleh Daerah Petaling, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Langat.

Ia terletak berhampiran dengan bandar Shah Alam, ibu negeri Selangor Darul Ehsan iaitu kira-kira 11 km. Ia juga terletak tidak jauh dari Kuala Lumpur ibu negara Malaysia iaitu hanya 25 km.

Di daerah ini juga terletaknya Bandar Diraja Klang dan Pelabuhan Klang yang merupakan salah sebuah pelabuhan terbesar di Semenanjung Malaysia.

Keluasan Daerah Klang ialah 629.37 km persegi (243 satu perempat). Termasuk di dalam kawasan ini kira-kira 37.6 km persegi (23.5 satu persegi) yang termasuk di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. (Lihat peta Daerah Klang di lampiran A).

Struktur Pentadbiran Daerah Klang Mengikut Pejabat Daerah Dan Pejabat Agama Islam Daerah Klang

Pentadbiran Daerah Klang Mengikut Pejabat Daerah Klang

Di segi pentadbiran daerah Klang hanya mempunyai 2 mukim saja seperti yang telah diwartakan di bawah sek. 11C Kanun Tanah Muka (Warta Kerajaan 4.7.1974 SEL. P.U.15, pelan ukur 1777). Mukim-mukim tersebut ialah Mukim Klang dan Mukim Kapar.

Disebabkan daerah Klang yang begitu luas dari segi pentadbiran, dua mukim telah dipecahkan kepada kawasan yang lebih kecil lagi-lebih sesuai untuk ditadbirkan oleh Penghulu Mukim. Pecahan kawasan-kawasan itu adalah seperti berikut: (Lihat plan daerah Klang di lampiran B).

1. Mukim Klang

- a) Mukim Klang
- b) Kawasan Jalan Kebun
- c) Kawasan Pulau Lumut

2. Mukim Kapar

- a) Mukim Kapar
- b) Kawasan Rantau Panjang
- c) Kawasan Bukit Raja

Sehingga hari ini, daerah Klang mempunyai 31 buah kampung
 dan sebuah kampung baru dan 3 buah bagan¹ atau bererti pengkalan
 jenis tumbuhan berdekatan laut kerana biasanya bagan merupakan
 kampung yang terletak di pulau-pulau yang menjadi pengkalan
 di laut. (lihat senarai kampung di lampiran C).

Dalam daerah Klang terdapat 2 buah bandar iaitu bandar
 dan bandar Pelabuhan Klang. Selain itu terdapat 2 buah pekan
 atau pekan Kapar sejauh 16 km dari bandar Klang dan pekan Meru
 sejauh 4.6 km dari bandar Klang. Selain dari itu terdapat juga beberapa
 buah pekan kecil seperti pekan Rantau Panjang, pekan Bukit
 Simpang, pekan Telok Gong dan Simpang 4 Telok Pulai.²

Rumikur Pentadbiran Daerah Klang Mengikut Pejabat Agama Islam
 Klang

Kawasan pentadbiran Pejabat Agama Islam Klang adalah lebih
 sama dengan pentadbiran Pejabat Daerah hanya ia berbeza di
 pentadbiran Kampung. Contohnya di bawah Pejabat Daerah kampung
 ditarikhkan oleh JKKK (Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan
 Kampung) yang dipengerusikan oleh Ketua Kampung. Manakala kampung
 dan Bagan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Penyelaraa Kampung yang
 mempunyai Pengurus dan Setiausaha masing-masing.³

Di bawah Pejabat Agama Islam pula setiap kampung ditadbirkan di bawah pengawasan Imam masjid dan jawatankuasa masjid dan tidak sah jadi kelaziman sebuah kampung mempunyai seorang imam tetapi ia masih berdasarkan kepada masjid-masjid. Oleh itu terdapat 2 buah kampung kecil yang berkongsi masjid dan mempunyai seorang imam.⁴

Dalam pada itu terdapat kira-kira 65 orang imam di daerah Klang dan mereka ini termasuk jurunikah-jurunikah seramai 29 orang seluruh daerah Klang. (Lihat senarai jurunikah di lampiran D).

Secara keseluruhannya daerah Klang ditadbirkan di segi hal-ahwal agama Islam oleh Pejabat Agama Islam Klang dengan arahan J AIS (Jabatan Agama Islam Selangor). Ianya diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Agama iaitu al-Ustaz Asmungi Hj. Sidek⁵. Di sampingnya terdapat beberapa bahagian yang menjalankan tugas menadbirkan hal-ahwal umat Islam di daerah Klang. Di antaranya Bahagian Pelajaran, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Zakat, Bahagian Pengajikan Wanita, Bahagian Penerangan dan Da'wah dan Bahagian Penglibaran Mahkamah. (Lihat carta organisasi PAIK di lampiran E).

Bancian Penduduk Mengikut Agama dan Kaum

Penduduk daerah Klang menurut bancian terakhir pada tahun 1990 ialah seramai 343,056 orang. Di segi pecahan mengikut kaum Melayu, bangsa Melayu berjumlah 129,637 orang, Cina berjumlah 145,088

, India berjumlah 67,405 orang dan lain-lain bangsa 926 orang. Pertambahan adalah kira-kira 4.5% dari tahun 1980. Maklumat adalah seperti berikut.

Jadual 1 : Taburan Penduduk Daerah Klang Bagi Tahun 1980 dan 1985 Mengikut Kaum.

Kaum	1980	%	1985	%
Melayu	105,195	37.65	129,637	37.79
Cina	119,186	42.67	145,088	42.29
India	54,159	19.39	67,405	19.65
Lain-lain	809	0.29	926	0.27

Sumber : Buku Taklimat Pembangunan Daerah Klang.

Manakala bancian terbaru yang dibuat oleh Pejabat Agama Islam Daerah Klang sehingga September 1989 jumlah penduduk yang beragama Islam adalah seramai 150,000 orang dan ini adalah berdasarkan jumlah pembayar zakat fitrah. Mengenai nisbah antara jantina iaitu lelaki bagi 24 wanita (1:24) dan ini meliputi semua kaum. Pada setiap tahun pertambahan penduduk dengan kelahiran baru adalah dalam lingkungan 5,000-7,000 orang setahun.⁶

Dalam kajian ini penulis menganggapkan bahawa kaum Melayu beragama Islam kerana jumlah yang sangat sedikit bagi yang beragama Islam.

Bilangan seramai 150,000 orang itu tidak termasuk para Muslim yang memeluk agama Islam yang mana ianya boleh dikatakan berjumlah pada setiap tahun. Bermula pada tahun 1985 hingga Julai 1989 jumlah mereka yang memeluk Islam adalah seramai 177 orang dengan India sebagai majoriti diikuti dengan Cina dan lain-lain. Dalam perkataan mereka yang paling ramai memeluk agama Islam adalah dari keturunan atau beragama Hindu kemudian diikuti oleh pemeluk Buddha, Kristian dan lain-lain.⁷ Sebagai maklumat lengkap lihat jadual di bawah.

Jadual 2 : Bilangan Orang Yang Memeluk Agama Islam Mulai 1985-Julai 1989.

Tahun	1985	1986	1987	1988	7/1989	Jum.
Agama						
Hindu	18	12	20	20	11	81
Buddha	4	7	6	11	10	38
Kristian	8	5	5	6	7	31
Sikh	1	2	-	1	2	6
Iban	-	-	-	1	-	1
Lain-lain	5	8	-	5	2	20
Jumlah	36	34	31	44	32	177

Insya Allah di dalam bab penganalisaan data nanti penulis

bentangkan data di atas dengan kadar percerai yang berlaku

dalam masyarakat Islam yang bukan Melayu. Maklumat di atas di-

tin hanya sebagai maklumat awal mengenai penduduk yang ber-

islam di daerah Klang yang bukan berasal dari bangsa Melayu.

Notakaki

Sheikh Othman bin Sheikh Salim, Kamus Dewan, (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989. hal. 75.

abat Daerah/Tanah Klang, Buku Taklimat Pembangunan Daerah Klang. 1987. hal. 2.

child.

menyumbuul dengan Ustazah Khansah Hj. Ramli, Pegawai Kebajikan Wanita di pejabatnya pada 24/9/89.

Melalui telah digantikan oleh al-Ustaz Alwi Parman pada bulan Disember 1989. Kajian ini dilakukan semasa al-Ustaz Asmungi bertugas'

menyumbuul dengan Ustaz Abdul Rahim Salleh, Pegawai Zakat dan Baitulmal di pejabatnya pada 24/9/89.

menyumbuul dengan Ustaz Haron Ahmad, Pegawai Penerangan dan Da'wah di pejabatnya pada 24/9/89.